

# Anak Tun M diberi tambahan sebulan isytihar aset

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberikan tambahan sebulan lagi kepada dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Mirzan dan adiknya, Tan Sri Mokhzani untuk mengisytiharkan aset masing-masing.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata kedua-duanya mempunyai tempoh sehingga pertengahan September bagi berbuat demikian.

"Kita sudah beri tempoh masa kepada kedua-dua mereka yang akan berakhir pada pertengahan September.

"Itu keputusan akhir, selepas mereka isytihar harta nanti, kami akan beri perkembangan

kepada pihak media," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemeraksanaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan, di sini, semalam.

Azam berkata, jika Mirzan dan Mokhzani gagal mematuhi masa diberikan, SPRM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Pada Mei lalu, SPRM ber-setuju memberi lanjutan masa kepada Mirzan dan Mokhzani untuk mengisytiharkan aset masing-masing.

Mirzan dan Mokhzani diarahkan SPRM pada Januari lalu un-



Mirzan



Mokhzani

tuk mengisytiharkan aset mereka sejak 1981, tahun yang mana Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Siasatan dijalankan mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Ha-

ram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

SPRM sudah memulakan siasatan sejak Ogos 2022 terhadap semua entiti berkait dan dinamakan dalam laporan Kertas Pandora serta Kertas Panama.

SPRM sedang mengkaji dokumen kewangan dan pemilikan aset entiti yang tersebar dalam laporan itu dengan siasatan masih dijalankan.

Sementara itu, Azam berkata, pihaknya mengambil masa lebih lama untuk menyiasat Pembangunan Manusia Berhad (HRD Corp) kerana perlu meneliti se-

mua aspek siasatan berkaitan pelaburan dan tatakelola.

Beliau berkata, siasatan masih dijalankan dan banyak lagi input perlu diperoleh daripada banyak pihak, malah semua isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, tidak terkecuali daripada siasatan.

"Pegawai saya beritahu mereka memerlukan masa lagi untuk siasat berkaitan pelaburan dan sebagainya.

"Siasatan kita bukan sahaja berkaitan jenayah rasuah atau salah guna kuasa, tetapi juga melihat kepada sistem dan prosedur yang mana ia perlu dikaji betul-betul apabila dalam laporan Ketua Audit Negara menyentuh isu tatakelola," katanya.